

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Pemandu
Gred Jawatan	:	H11
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kemahiran
Jadual Gaji	:	RM1,218.00 – RM2,939.00 (<i>Contract of Service</i>)
Syarat Lantikan	:	<ol style="list-style-type: none">1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) warganegara Malaysia;(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan(c)<ol style="list-style-type: none">(i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.(ii) Lesen memandu Kelas D/ E/ E1/ E2/ F/ G/ H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan(iii) Berkebolehan memandu, mengenali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. (Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen) Memandu: Lesen D RM1,264.15 Lesen E/ E1/ E2 RM1,310.30 Lesen F/ H RM1,356.45 Lesen G/ I RM1,402.60

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan	:	KONTRAK
Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
Fungsi Bidang Tugas	:	Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas atau lori.
Tarikh Tutup Permohonan	:	16 Disember 2022 (Jumaat)